



Rujukan kami : PMTG.PP.600-1/1/5.Jld 5(5)  
Tarikh : 04 Julai 2024

Saudara/i,

## JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KE-6 POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR (PMTG) BAGI TAHUN 2024

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak PMTG merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan di atas kejayaan para graduan. Sehubungan dengan itu, para graduan dijemput untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-6 PMTG bagi Tahun 2024 yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

**Tarikh : 17 Ogos 2024 (Sabtu)**  
**Masa : 7.30 Pagi**  
**Tempat : Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai**

3. Para graduan hendaklah melengkapkan maklumat berikut di laman sesawang PMTG (<https://www.pmtg.edu.my/info-konvokesyen/>):

- i. Pengesahan kehadiran
- ii. Pemilihan saiz jubah
- iii. Muatnaik salinan slip pembayaran (resit)
- iv. Kemaskini alamat terkini
- v. Kemaskini status pekerjaan
- vi. Gambar graduan berukuran passport

4. Makluman pembayaran yuran konvokesyen adalah seperti di bawah:

4.1 Yuran konvokesyen bagi graduan yang **HADIR** adalah **RM290.00**. Manakala bagi yang **TIDAK HADIR** yuran adalah **RM240.00**.

4.2 Yuran konvokesyen dibayar atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR** :

**Nama Bank: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**  
**Nombor Akaun: 07052010012230**

5. Tarikh akhir pengesahan kehadiran graduan adalah pada **31 Julai 2024 (Rabu)**. Sebarang rayuan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.

6. Para graduan **DIWAJIBKAN** hadir pada sesi **pra pendaftaran** dan **pengambilan jubah** seperti butiran berikut:

**Tarikh** : 16 Ogos 2024 (Jumaat)

**Masa** : 9.00 Pagi

**Tempat** : Perpustakaan, Politeknik METrO Tasek Gelugor

7. Para graduan perlu merujuk **e-Buku Panduan Majlis Konvokesyen PMTG** yang boleh di capai di laman sesawang rasmi PMTG. Para graduan wajib merujuk panduan ini untuk mengetahui tatacara menghadiri konvokesyen.

8. Satu (1) keping pas masuk ke dewan konvokesyen akan diberikan semasa pra pendaftaran graduan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang waris sahaja. Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.

9. Pihak PMTG mengalu-alukan kehadiran para graduan pada Majlis Konvokesyen Ke-6 PMTG ini. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Pn. Siti Fartimah binti Mohamed Yusop** atau **Pn. Sa'amah binti Hassan** di talian **04-5732789**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,




**(HJ MOHD YUSAINI BIN MOHAMED ALI)**

Pengarah

Politeknik METrO Tasek Gelugor

Pulau Pinang



SIRIM

CERTIFIED TO ISO 21001:2018  
CERT. NO.: 00111



**Senarai Semak Dokumen Majlis Konvokesyen Ke-6 PMTG**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Butiran</b>	<b>Tindakan (/)</b>
1	<b>Pengesahan Kehadiran</b>		
	a. Jawapan pengesahan kehadiran	<b>Laman Sesawang PMTG</b>	
	b. Pilihan saiz jubah		
	c. Muatnaik salinan bukti resit pembayaran		
	d. Mengemaskini maklumat terkini graduan		
	e. Mengemaskini status pekerjaan		
	f. Gambar graduan ukuran pasport		
2	Resit Bukti Pembayaran (bawa pada hari pra pendaftaran)		<b>Lokasi: Perpustakaan, PMTG</b>